



KENYATAAN MEDIA
YAB PERDANA MENTERI

MESYUARAT MTN KE-79: KELESTARIAN ALAM SEKITAR

1. Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-79 pada 2 Disember 2021 secara persidangan video. Majlis ini dianggotai oleh 10 wakil Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kanan serta Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan yang berkaitan bersama Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri atau wakil.

2. Mesyuarat MTN ini diadakan selaras dengan Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan iaitu membentuk dari semasa ke semasa, melalui konsultasi (rundingan) dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara, suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain dan untuk mentadbirkan apa-apa undang-undang mengenainya.

3. Pada Mesyuarat MTN kali ini, terdapat 4 kertas telah dibentangkan yang menyentuh mengenai beberapa dasar penting berkaitan dengan perhutanan dan perlombongan.
4. Mesyuarat MTN Ke-79 telah bersetuju dengan **Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 bagi Seksyen 11 dan 12** yang telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 3 Disember 2020 dan Jemaah Menteri pada 6 Januari 2021. MTN juga bersetuju supaya RUU ini dibentangkan di Parlimen pada sesi pertama pada tahun 2022. Dalam konteks ini pemakaian Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2020 hanya akan terpakai di negeri-negeri setelah Dewan Undangan Negeri (DUN) meminda Enakmen Perhutanan (Pemakaian) masing-masing.
5. MTN pada kali ini juga telah bersetuju dengan **Tindakan Penguatkuasaan dan Penyelesaian Terhadap Penerokaan Haram dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia** dan supaya semua kerajaan negeri melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan penyelesaian terhadap penerokaan haram di setiap negeri selewat-lewatnya pada 1 Jun 2022.
6. MTN Ke-79 juga telah bersetuju secara prinsip dengan pelaksanaan **Moratorium Kelulusan Baharu Penubuhan Ladang Hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia** selama 15 tahun. Dalam hal ini, MTN Ke-79 juga mengambil perhatian bahawa terdapat 127,050.25 hektar Zon Pembangunan Ladang Hutan dalam HSK yang belum diluluskan kepada mana-mana syarikat. Oleh yang demikian, sebelum moratorium dikenakan ke atas kawasan tersebut, Kerajaan Negeri yang ingin meneruskan pembangunan ladang hutan perlu melaksanakan perundingan secara terperinci dengan KeTSA bagi memastikan syarikat-syarikat yang akan dilantik mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi serta lain-lain perundangan yang berkuatkuasa.

7. Dalam masa yang sama, MTN Ke-79 juga telah mengesahkan keputusan-keputusan **Mesyuarat Majlis Mineral Pertama** yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa & Industri pada 16 Februari 2021. Keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Majlis Mineral perlu dibawa untuk persetujuan dan pengesahan MTN bagi membolehkan keputusan-keputusan tersebut dipersetujui dan disahkan khususnya yang melibatkan aspek perundangan seperti Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara serta enakmen berkaitan di peringkat negeri.

**#KeluargaMalaysia
#BekerjasamaBersamaRakyat**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
3 DISEMBER 2021**